

SIARAN AKHBAR
3 MEI 2019

EKUINAS KEKALKAN PRESTASI KUKUH BAGI TAHUN 2018

Sorotan Penting: -

- Ekuinas Direct (Tranche II) Fund mencatatkan **Pulangan Portfolio Kasar RM490.1 juta**, dengan melaporkan **Kadar Pulangan Dalaman (IRR) kasar dan IRR bersih** masing-masing pada **14.0% dan 9.8%**.
- Dalam tempoh yang sama, Ekuinas Direct (Tranche III) Fund mencatatkan **Pulangan Portfolio Kasar RM53.5 juta** serta **IRR kasar tahunan 4.5%**.
- Pada TK2018, Ekuinas melaksanakan dua (2) pelaburan baharu dan tiga (3) pelaburan susulan dengan jumlah modal dilaburkan sebanyak RM311.5 juta. Ini menjadikan pelaburan kumulatif yang dilaksanaankan oleh Ekuinas dalam 41 syarikat berjumlah RM3.9 bilion. Jumlah ini, ditambah dengan modal swasta, telah menjadikan jumlah pengagihan modal sebanyak RM4.6 bilion yang memberi impak positif bagi ekonomi Malaysia.
- Menerusi aktiviti pelaburannya, Ekuinas mencapai **peningkatan Nilai Ekuiti Bumiputera sebanyak RM5.0 bilion atau 1.5 kali ganda jumlah modal dilaburkan** dan peningkatan **Jumlah Nilai Pemegang Saham Keseluruhan sebanyak RM6.6 bilion atau 2.0 kali ganda** modal dilaburkan Ekuinas. Ini mencerminkan kejayaan berterusan model Ekuinas dalam meningkatkan nilai pemegang saham untuk Bumiputera dan seluruh rakyat Malaysia.

KUALA LUMPUR, 3 MEI 2019: Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) hari ini mengumumkan keputusan tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 (TK2018). Ekuinas Direct (Tranche II) mencatatkan Pulangan Portfolio Kasar RM490.1 juta, menghasilkan Kadar Pulangan Dalaman (IRR) kasar pada 14.0% dan IRR bersih sebanyak 9.8% manakala dana ketiga, Ekuinas Direct (Tranche III) Fund mencatatkan Pulangan Portfolio Kasar RM53.5 juta, bersamaan IRR Kasar tahunan sebanyak 4.5%.

Sejak penubuhannya, Ekuinas telah melabur sejumlah RM3.9 bilion dalam 41 syarikat menerusi Pelaburan Langsung dan Program Penyumberan Luar. Jumlah ini, ditambah dengan modal swasta, telah menjadikan jumlah pengagihan modal berjumlah RM4.6 bilion yang memberi impak positif bagi ekonomi Malaysia. Pada TK2018, Ekuinas melaksanakan pelaburan dengan jumlah komited sebanyak RM331.5 juta untuk memperoleh dua (2) syarikat baharu dan melaksanakan tiga (3) pelaburan susulan.

Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda, Pengurus Ekuinas berkata, "Ekuinas telah ditubuhkan dengan visi untuk menjadi rakan pertumbuhan bagi menjanjakan kekayaan serta penyertaan Bumiputera secara mampan menerusi pelaburan ekuiti persendirian dalam syarikat-syarikat terkemuka dan berpotensi tinggi Malaysia. Ini telah menghasilkan peningkatan dalam nilai ekuiti Bumiputera sebanyak RM5.0 bilion, yang merupakan 1.5 kali ganda modal dilaburkan. Pencapaian ini telah mencipta nilai ekonomi keseluruhan sebanyak RM6.6 bilion bagi semua pemegang saham, mewakili 2.0 kali ganda modal yang dilaburkan."

Tahun 2018 juga menyaksikan Ekuinas memainkan peranan aktif dengan melupuskan tiga (3) syarikat iaitu Tranglo Sdn Bhd, yang menjana hasil jualan kasar berjumlah RM114.9 juta, mencatatkan IRR 26.9% bersamaan 2.0 kali ganda modal dilaburkan; dan penyedia perkhidmatan Pentadbir Tuntutan Perubatan Pihak Ketiga (TPA), MediExpress Group dan PMCare Sdn Bhd, yang menghasilkan IRR minimum sebanyak 38.8% bersamaan 2.6 kali modal dilaburkan.

Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir, Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas menambah, "Tahun 2018 ialah tahun yang penting bagi Malaysia. Pasaran global dan tempatan begitu mencabar memandangkan ekonomi dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti kelemahan permintaan global dan kejutan dari sudut penawaran. Walaupun terdapat cabaran pasaran, Ekuinas terus mencatatkan prestasi kukuh bagi dana-dana kami. Pada awal tahun ini, kami juga mengumumkan pelancaran Ekuinas Direct (Tranche IV) Fund, yang merupakan sebahagian daripada strategi pelaburan jangka panjang Ekuinas untuk terus membina asas syarikat-syarikat Malaysia."

Pada 2018, Ekuinas meluaskan portfolio pelaburan dalam sektor pembuatan dengan pemerolehan kepentingan kawalan dalam Flexi Versa Group Sdn Bhd (FVG) dan kepentingan sebanyak 40.4% dalam Exabytes Capital Group (Exabytes). FVG adalah pengeluar utama produk komponen dan siap guna tempatan yang terkemuka di Asia Tenggara, manakala Exabytes adalah penyedia perkhidmatan pengehosan web dan perkhidmatan awan yang terulung di rantau ini. Dengan Malaysia berkembang maju untuk menjadi sebahagian daripada ekosistem pemerolehan global, industri pembuatan akan menjadi pemacu ekonomi utama bagi negara ini. Di samping itu, peranan penting yang dimainkan dalam ekonomi Internet juga memberi suatu peluang keemasan bagi Ekuinas yang disokong oleh penembusan Internet yang semakin tinggi dan pendigitalan perniagaan di seluruh Asia Tenggara.

Syed Yasir Arafat menyambung, "Tahun 2019 juga akan menyaksikan kami melupuskan aset di bawah Ekuinas Direct (Tranche II) Fund sebagai sebahagian daripada strategi pelaburan berhemat untuk menjana IRR positif dan memastikan dana terealisasi dilakukan dalam tempoh masa yang dijangkakan. Kami juga akan menambah portfolio kami dengan membuat pelaburan teliti dan meluaskan kriteria pelaburan untuk membolehkan kami mengenal pasti peluang dan membangunkan industri baharu, dan juga terus meningkatkan nilai menerusi pengurusan portfolio aktif dan tadbir urus di syarikat-syarikat portfolio kami."

Ekuinas juga mengumumkan sambutan ulang tahun ke-10nya tahun ini dan sempena sambutan ini, Ekuinas akan menganjurkan *Malaysian Private Equity Forum 2019* yang bakal diadakan pada bulan Oktober. Forum tahun ini akan terus mengetengahkan ekuiti persendirian sebagai kelas pelaburan aset strategik penting yang boleh membina kekuatan perniagaan dan ekonomi.

Pemimpin dan pakar industri daripada firma ekuiti persendirian global dan serantau, dan juga tokoh-tokoh daripada Rakan Am (*General Partners*) dan Rakan Terhad (*Limited Partners*) akan berkongsi ilmu, pengajaran dan kejayaan mereka dalam pelaburan ekuiti persendirian. *Malaysian Private Equity Forum 2019* akan diadakan pada 1 Oktober 2019 di Mandarin Oriental Kuala Lumpur.

-Tamat-

Mengenai Ekuinas

Ekuinas (Ekuiti Nasional Berhad) ialah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan yang ditubuhkan pada 1 September 2009 dan berusaha membina syarikat terkemuka Malaysia generasi akan datang, sambil menggalakkan penjanaankekayaan serta penglibatan ekonomi Bumiputera yang saksama dan mampan. Setakat ini, Ekuinas telah mengusahakan pelaburan dalam lebih 40 syarikat berpotensi tinggi yang terlibat dalam sektor sasaran teras Ekuinas iaitu pendidikan, barang pengguna laris, minyak dan gas, peruncitan, penjagaan kesihatan, dan perkhidmatan. Pada 2018, Ekuinas telah disenarai pendek sebagai salah satu Firma Asia Tenggara Terbaik oleh *Private Equity International (PEI)*.

Hubungan Media:

Dau Ming Seling
Klareco Communications
M: +6017-888 2808
E: DSeling@clarecomms.com

Lok Ru Jun
Klareco Communications
M: +6012-325 6949
E: RLok@clarecomms.com